



**MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**  
**(Human Resources Development Council)**  
**TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA**  
**OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA**  
**50490 KUALA LUMPUR**

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

---

**PEKELILING MAJIKAN BIL. 7/97**  
**LEVI LUPUT BAGI TAHUN 1993, 1994 DAN 1995 DIKEMBALIKAN SEMULA**  
**KEPADA MAJIKAN**

## **1. TUJUAN**

- 1.1 Tujuan pekeling ini adalah untuk memaklumkan kepada majikan mengenai perkara berikut: -
- (a) Levi luput untuk tahun 1993, 1994 dan 1995 dikembalikan semula ke dalam akaun majikan;
  - (b) Pengembalian levi luput ini kepada majikan berkuatkuasa mulai 1 November 1997; dan
  - (c) Tuntutan bagi program-program latihan yang tamat pada tahun 1997 sahaja dibenarkan menggunakan levi luput yang dikembalikan kepada majikan.

## **2. LATARBELAKANG**

- 2.1 Pekeling Majikan bil. 5/95 bertarikh 7 Ogos 1995 telah memaklumkan bahawa levi yang dibayar oleh majikan hanya dibenarkan dibawa satu tahun hadapannya sahaja. Ini bermakna majikan hanya mempunyai maksimum tempoh masa selama 24 bulan untuk menuntut caruman levi yang dibayar dalam sesuatu tahun.
- 2.2 Penggunaan levi Pembangunan Sumber Manusia oleh majikan adalah sangat memberangsang dan menggalakkan. Bagi meningkatkan lagi aktiviti-aktiviti melatih semula dan meningkatkan kemahiran, Majlis Pembangunan Sumber Manusia dalam mesyuaratnya pada 18 September 1997 telah memutuskan bahawa levi majikan yang luput bagi tahun 1993, 1994 dan 1995 dikembalikan semula ke dalam akaun majikan. Ini bermakna majikan boleh menggunakan semua baki levi semasa dan levi yang luput selama ini. Adalah dimaklumkan, selepas 1 November 1997 tiada lagi levi yang diluputkan. Sungguhpun demikian, perkara ini akan dikaji semula dari masa ke semasa dan mungkin diluputkan lagi sekiranya perlu.

## **3. PENGEMBALIAN LEVI LUPUT KEPADA MAJIKAN**

- 3.1 Mulai 1 November 1997, semua levi luput tahun 1993, 1994 dan 1995 yang telah diterima oleh Urusetia Majlis akan dikembalikan semula ke dalam akaun majikan yang berkenaan.
- 3.2 Tunggakan levi majikan tahun 1993, 1994 dan 1995 yang telah dan akan diterima oleh Urusetia Majlis juga akan dikembalikan ke dalam akaun majikan.

## **4. TUNTUTAN BAGI PROGRAM-PROGRAM LATIHAN YANG TAMAT PADA TAHUN 1997**

- 4.1 Tuntutan geran latihan yang dibenarkan menggunakan levi luput yang dikembalikan kepada majikan hanyalah tuntutan bagi program-program latihan yang tamat pada tahun 1997 dan seterusnya sahaja.
- 4.2 Bagi program-program latihan yang tamat pada tahun 1996 dan sebelumnya adalah tidak boleh dituntut dari levi luput yang dikembalikan, tidak kira apa jua sebabnya. Antara sebab-sebab tersebut ialah: -

- i) Baki levi yang tidak mencukupi;
- ii) Tuntutan yang ditolak kerana diterima lewat dari tarikh yang ditetapkan;
- iii) Program-program latihan yang tidak mempunyai kelulusan; dan
- iv) Tuntutan bermasalah yang tidak dapat diselesaikan dalam tempoh waktu yang ditetapkan.

## 5. PROSEDUR PENGEMBALIAN LEVI LUPUT

- 5.1 Bagi tuntutan untuk program-program latihan yang tamat pada tahun 1997 yang dibayar sebahagiannya sahaja disebabkan baki levi tidak mencukupi, majikan dikehendaki mengemukakan maklumat seperti di [Lampiran A](#) dengan lengkap sebelum 30 Jun 1998 supaya dapat dibuat pembayaran sewajarnya.
- 5.2 Adalah dimaklumkan, bagi majikan yang mempunyai tunggakan levi, semua tuntutan tidak akan dibayar sehingga semua tunggakan levi beserta faedahnya dibayar oleh majikan. Tuntutan dari majikan yang mempunyai levi tertunggak, borang tuntutan mereka akan dikembalikan.

## 6. PENUTUP

- 6.1 Dengan pengembalian levi luput ke dalam akaun majikan, adalah diharapkan pihak majikan dapat mengambil langkah dalam meningkatkan latihan dan latihan semula kakitangan dan menuntut kos yang dibenarkan daripada levi.
- 6.2 Pekeliling Majikan Bil. 7/97 ini berkuatkuasa mulai 1 November 1997.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

" **BERKHIDMAT UNTUK NEGARA** "

Saya yang menurut perintah,

(WAHAB BIN TASLIM)  
Pengarah Kewangan,  
b.p. Ketua Pengarah, Majlis Pembangunan Sumber Manusia.



## Lampiran A

Kod Majikan :	_____
Nama Majikan :	_____ _____
Tarikh :	_____

Perkara : TUNTUTAN PROGRAM LATIHAN YANG TAMAT PADA TAHUN 1997 DAN HANYA DI BAYAR SEBAHAGIAN AMAUN SAHAJA OLEH MPSM

Berhubung dengan perkara diatas, program latihan yang tamat pada tahun 1997 adalah seperti di bawah ini. Jumlah amaun cek adalah tidak sama dengan jumlah amaun di senarai program latihan yang diluluskan bayaran, seperti yang dilampirkan bersama-sama dengan cek yang diterima.

2. Perbezaan bayaran masih belum diterima oleh pihak kami.

BIL	NO. CEK	AMAUN CEK	AMAUN DI SENARAI KELULUSAN BAYARAN (DILAMPIRAN KEPADA CEK)
.	.	.	.
.	.	.	.
.	.	.	.
.	.	.	.
.	.	.	.
.	.	.	.
.	.	.	.

\* Senaraikan lampiran jika ruangan tidak mencukupi

Saya \*\* mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan berhubung dengan tuntutan ini dan juga maklumat yang disertakan bersama adalah benar dan betul dan segala perbelanjaan yang dituntut telah dibiayai oleh saya. Selain daripada tuntutan ini, tidak ada tuntutan lain dibuat mengenai perbelanjaan tersebut. Semua dokumen yang berkaitan dengan tuntutan ini, tidak ada tuntutan lain dibuat mengenai perbelanjaan tersebut. Semua dokumen yang berkaitan dengan tuntutan ini adalah disimpan oleh saya dan boleh diperiksa oleh Urusetia Majlis Pembangunan Sumber Manusia.

\*\* Adalah diingatkan, anda mungkin didakwa di bawah Seksyen 7, Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992 dan Majlis mungkin dengan kuasa yang ada menarik balik bantuan dan menuntut semula sebarang amaun yang telah dibayar, jika anda memberikan keterangan palsu atau mengelirukan bagi memperolehi bayaran bantuan daripada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

\_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

